



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**SELASA 2 APRIL 2024**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	NACCOL BERI AMARAN TERAKHIR KEPADA KAWALSELIA PADI DAN BERAS, NASIONAL, SH -7 'PASTIKAN BPT SEGERA BERADA DI PASARAN', NASIONAL, BH -4 INSTITUSI KERAJAAN GUNA BERAS IMPORT, BANTU RAKYAT DAPAT BEKALAN TEMPATAN -ANWAR, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4.	PEKEBUN TKPM INDERAPURA LAYAK TERIMA BANTUAN TABUNG KEROSAKAN TANAMAN, LOKAL, HM -11	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5.	TENGGU PERMAISURI SELANGOR TAK SETUJU CARA PENDEKATAN, LOKAL, HM -5	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
6. 7. 8. 9.	BANGKAI DUGONG DITEMUKAN TERDAMPAR DI PANTAI, LOKAL, HM -4 DUGONG DITEMUKAN TERDAMPAR DI TANJUNG LEMAN, DALAM NEGERI, UM -34 BANGKAI DUGONG DI PANTAI TANJUNG LEMAN, NEGARA, KOSMO -17 JABATAN PERIKANAN AMBIL TINDAKAN TEGAS ISU BOT PUKAT TUNDA, NEGARA, KOSMO -15	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10. 11.	TANAMAN NANAS TIDAK TERKESAN, LOKAL, HM -11 NANAS TIADA MASALAH CUACA PANAS, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
12. 13. 14.	KEKALKAN BERNAS PENGIMPORT TUNGGAL UNTUK BUKA PELUANG KEPADA ENTITI LAIN, RENCANA, BH -12 'ASKAR HITAM' MAINANKU, WANITA METRO, HM -35 PROGRAM TERNAK LALAT, WANITA METRO, HM -36	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

<b>TARIKH</b>	<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2/4/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

# NACCOL beri amaran terakhir kepada Kawalselia Padi dan Beras

ALOR SETAR - Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) memberi amaran terakhir kepada pihak Kawalselia Padi dan Beras agar segera mengedarkan 14 juta kampil beras putih tempatan (BPT) seperti dijanjikan sebelum ini. Ketua Petugas Khas Pemantauan kepada Kluster Makanan NACCOL, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, ini kerana setelah hampir dua minggu tinjauan mendapati hanya sejumlah kecil BPT berada di beberapa kedai runcit dan pasar raya.

"Ini amaran terakhir, tidak ada tempoh lagi kerana tempoh yang diberikan sudah berlalu. Kita tidak mahu tuduh mana-mana pihak tetapi kalau mereka yang dipertanggungjawabkan gagal buat kerja, ambil tindakan pada mereka supaya isu beras ini dapat diselesaikan dengan segera," katanya ketika ditemui selepas menemani Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Ahmad Farhan Fauzi yang menziarahi dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Allahyarham Mohd Fuad Yaacob.

Menurutnya, Bahagian Kawalselia Padi dan Beras perlu mengumumkan berapa kampil BPT yang telah diedarkan di seluruh negara supaya rakyat jelas dan tidak memandang sinis kepada kerajaan.



Syed Abu Hussin Hafiz (kiri) ketika menemani Ahmad Farhan yang menziarahi dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga Allahyarham Mohd Fuad di rumahnya di Alor Janggus pada Isnin.

itu juga perlu disegerakan mandangkan tempoh yang cukup lama telah diberikan kepada Bahagian Kawalselia Padi dan Beras.

"Sepatutnya kena jelaskan segera kerana sudah 13 hari setelah keputusan dibuat, terlalu lama rakyat terpaksa menunggu. Beras ini kita makan hari-hari, tunggu lagi dan tambahan pula Aidilfitri hampir tiba ini tentunya keperluan dan permintaan beras meningkat," katanya.

Pada Sabtu, Syed Abu Hussin Hafiz berkata, BPT masih tidak kelihatan dalam pasaran walaupun Perdana Menteri telah mengarahkan stok bekalan barang keperluan itu diedarkan.

Berdasarkan tinjauan di 105 lokasi pasar raya juga mendapati hanya lima tempat mempunyai bekalan BPT dalam jumlah yang sangat kecil.

beras pada harga murah terutamanya menjelang hari raya Aidilfitri," katanya.

Syed Abu Hussin Hafiz berkata, penjelasan berhubung BPT

## Isu kekurangan bekalan beras

# 'Pastikan BPT segera berada di pasaran'

**Alor Setar:** Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Negara diberi amaran terakhir untuk memastikan beras putih tempatan (BPT) segera berada di pasaran.

Pengerusi Task Force (Kluster Makanan) Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, berkata ini kerana Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood, sebelum ini memberi jaminan 14 juta kampil BPT berharga RM26 untuk 10 kilogram (kg) akan berada di pasaran pada bila-bila masa.

Katanya, ketiadaan BPT di pasaran ketika ini boleh menyebabkan rakyat memandang sinis kepada pemerintahan Perdana Menteri.

"Nampak kegagalan, jentera kerajaan (iaitu) bahagian yang bertanggungjawab mengedarkan beras ini dan dia berjanji dalam mesyuarat NACCOL sudah hampir dua minggu tak berjalan.

"Sepatutnya Ketua Setiausaha Negara (KSN) mengambil tindakan segera supaya tukar mana-mana pegawai yang tidak efisien dan tatakelolanya tak betul, ganti dengan pegawai yang baharu supaya dapat dilaksanakan dengan segera. Ini penting dalam sistem penyampaian kerajaan.



Ahmad Farhan menyampaikan sambutan Anwar kepada Che Gayah di Alor Janggu, Alor Setar, semalam. Turut hadir, Syed Abu Hussin (kiri).  
(Foto BERNAMA)

"Ini amaran terakhir, tidak ada tempoh lagi kerana tempoh yang diberikan sudah berlalu. Kita tidak mahu tuduh mana-mana pihak tetapi kalau mereka yang dipertanggungjawabkan gagal buat kerja, ambil tindakan pada mereka supaya isu beras ini diselesaikan segera," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas bersama Setiausaha Politik Perdana Menteri, Ahmad Farhan Fauzi men-

ngagian Kawal Selia Padi dan Beras Negara perlu memberi penjelasan mengenai jumlah kampil beras yang diedarkan di seluruh negara setakat ini berikutan tinjauan pihaknya mendapati BPT masih belum kelihatan.

"Jadi, kita minta bahagian berkenaan jelaskan secara terperinci berapa banyak beras (yang ada) di kilang mana dan berapa banyak yang sudah diedarkan di pasar raya mana supaya rakyat yang tertanti-nanti menjelang Aidilfitri nak beli BPT murah RM26.

"Sebab ini adalah masalah orang ramai, semua rakyat menanti keputusan (arahan) Perdana Menteri untuk dilaksanakan. Ini bukan isu jabatan atau isu bahagian tetapi isu rakyat keseluruhan untuk melihat BPT RM 26 sekampit berada di pasaran," katanya.

Sebelum ini, Mesyuarat NACCOL dipengerusikan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 20 Mac lalu memutuskan empat perkara untuk mengatasi isu beras.

Antara tindakan, kerajaan menangkan supaya semua stok semasa padi dan beras yang dibeli oleh pengilang berjumlah 140,000 tan diproses serta dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan serta-merta.

Serah Sumbangan PM

Ahmad Farhan turut menyerahkan sumbangan Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada isteri Allahyarham, Che Gayah Rejab, 61. Syed Abu Hussin berkata, Ba-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Institusi kerajaan guna beras import, bantu rakyat dapat bekalan tempatan - Anwar



beras tempatan.

Institusi kerajaan seperti hospital, asrama sekolah, kem tentera dan polis akan menggunakan beras putih import. Foto hiasan

PADANG BESAR - Kerajaan memutuskan supaya institusi kerajaan seperti hospital, asrama sekolah, kem tentera dan polis menggunakan beras putih import bermula hari ini dalam usaha memudahkan rakyat mendapatkan bekalan

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, rakyat boleh menikmati beras tempatan sekiranya institusi berkenaan tidak bergantung sepenuhnya kepada bekalan beras putih tempatan dengan menggunakan beras import.

"Saya beritahu Ketua Setiausaha (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan) cari jalan bagi memastikan kilang yang ada beras tempatan hantar sekurang-kurangnya kepada FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) dan pejabat LPP (Lembaga Pertubuhan Peladang) supaya sampai kepada rakyat, tetapi apakah cukup beras tempatan, tak cukup sebab pengeluarannya terbatas.

"Bagaimana nak bantu lagi rakyat dapat harga barang murah? Maka kerajaan bermula hari ini, 1 April, memutuskan semua keperluan di tentera, polis, sekolah, asrama, hospital digunakan beras import supaya beras murah tempatan boleh dibeli oleh rakyat ... maka keperluan rakyat dipermudah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Berbuka Puasa Madani peringkat negeri Perlis di Masjid Nurul Huda Felda Chuping dekat sini pada Isnin.

Turut hadir, Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli.

Pada 25 Mac lepas, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, sebarang kontrak kerajaan melibatkan pengedaran beras akan menggunakan beras putih import bermula April ini.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, lawatan kerjanya ke Perlis hari ini amat bermakna apabila pihaknya turut meminta input dan saranan daripada pihak kerajaan negeri berhubung usaha membangunkan negeri itu serta meningkatkan taraf hidup rakyat.

"Saya ucap sekali lagi terima kasih kerana kesempatan diberikan kepada kita jadikan lawatan kerja bermakna dengan Speaker, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersama

Ketua Pengarah ICU (Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri) dan pegawai kanan lain pelbagai kementerian.

"Ia tak jadi sesi taklimat biasa, selalunya bila kunjungan, taklimat dan kemudian pulang, tetapi kita minta input dan saranan daripada kerajaan negeri, ini kita lakukan di kebanyakan negeri, Perlis negeri kelima, dua hari lepas di Sarawak.

"Tumpukan apa projek dilaksanakan, apa masalah, kalau lewat sebab apa, apa masalah keluhan rakyat, mengapa kita tak dapat tangani dengan baik, apa lagi untuk jadikan Perlis maju baik dari segi pelancongan atau pembangunan ekonomi keseluruhannya," kata Perdana Menteri.

Anwar berkata, meskipun kerajaan Perlis berlainan parti, hubungan akrab dan kerjasama negeri sangat baik dengan kerajaan pusat.

Terdahulu, Anwar mempengerusikan taklimat pembangunan Perlis di Kompleks Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis dan meninjau Bazar Ramadan Persiaran Wawasan di Kangar dalam lawatan singkatnya ke negeri itu pada Isnin. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2024	HARIAN METRO	LOKAL	8

## Pekebun TKPM Inderapura layak terima bantuan tabung kerosakan tanaman

**Kuantan:** Jabatan Pertanian Pahang akan memohon bantuan tabung kerosakan tanaman daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk membantu pekebun di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Inderapura di sini, yang tanaman mereka musnah terbakar. Kebakaran yang bermula sejak minggu lalu hingga kini masih berlaku memusnahkan tanaman sayur sebahagian 21 pekebun yang menanam menggunakan sistem fertigasi.

Pengarah Jabatan Pertanian Pahang, Muhd Rizal Baharom berkata, selepas mendapat laporan penuh daripada semua pekebun, permohonan untuk dipertimbangkan kementerian akan dibuat.

Menurutnya, bantuan di bawah tabung kerosakan tanaman yang layak diterima pekebun di TKPM Inderapura sama dengan bantuan diterima pesawah di Pahang sebelum ini selepas padi mereka musnah ditenggelami banjir.

Katanya, bantuan mem-

babitkan program pembangunan semula ladang selain pekebun layak menerima bantuan input pertanian, peralatan dan kerja infra.

"Pekebun layak menerima input pertanian seperti polibeg, tali, baja, tiang para, dawai, serbuk kulit kelapa dan racun. Selain itu kemudahan menyediakan semula kebun mereka turut akan dilakukan," katanya dihujung, kelmarin.

Beliau berkata, kebakaran kawasan tanah gambut milik Jabatan Pertanian yang turut menempatkan TKPM Inderapura adalah yang terburuk pernah berlaku.

Muhd Rizal berkata, operasi memadam dan mengawal kebakaran giat dilakukan bomba yang turut dibantu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pahang.

Katanya, cuaca panas kering dan angin kencang serta tanah gambut menjadi faktor utama kebakaran mudah berlaku dan sukar dipadam.

**Johor Bahru:** Tanaman nanas di seluruh negara tidak terjejas walaupun keadaan cuaca panas dan kering melanda sejak beberapa minggu lalu.

Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Sheikh Umar Bagharib Ali berkata, tiada aduan kerosakan tanaman akibat cuaca panas diterima daripada pekebun dan

## Tanaman nanas tidak terkesan

pengusaha tanaman tropika itu.

Menurutnya, tanaman nanas perlu disirami tetapi dalam jumlah yang sederhana sekiranya kemarau berpanjangan.

"Secara umumnya cuaca panas bukan menjadi ancaman kepada tanaman

nanas, kerana nanas terdiri dari keluarga kaktus dan tidak memerlukan banyak air.

"Cuaca panas tidak mengancam pertumbuhan pokok nanas dan pada asasnya tanaman tropika itu tidak memerlukan air yang banyak tetapi perlu-

kan cahaya matahari yang mencukupi

"Setakat ini, tiada aduan kerosakan tanaman nanas ekoran cuaca panas kerana kebiasaannya kita terima aduan apabila musim tengkujuh atau banjir," katanya.

Beliau berkata demikian

pada sidang media selepas Majlis Berbuka Puasa LPNM di sini, kelmarin.

Mengulas lanjut, Sheikh Umar Bagharib berkata, eksport nanas negara berada dalam landasan positif dengan nilai eksport RM5.7 bilion pada tahun lalu.

Menurutnya, eksport nanas membabitkan pelbagai hasil termasuk nanas segar dan nanas kaleng.

"Kalau ikutkan permintaan eksport banyak, tetapi sekarang kita berdepan dengan masalah pengeluaran untuk penuhi pasaran.

"Maka kita perlu ada perluasan tanaman, selain kaedah penanaman berimpak tinggi supaya atas tanah sama dapat lipat gandaan tanaman dan produktiviti penghasilan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

## Pekebun TKPM Inderapura layak terima bantuan tabung kerosakan tanaman



Khairul Azhan kerugian lebih RM100,000 apabila kebun miliknya di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Inderapura terbakar. FOTO MOHD RAFI MAMAT

Kuantan: Jabatan Pertanian Pahang akan memohon bantuan tabung kerosakan tanaman daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk membantu pekebun di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Inderapura, di sini, yang tanaman mereka musnah terbakar.

Kebakaran yang bermula sejak minggu lalu hingga kini masih berlaku memusnahkan tanaman sayur sebahagian 21 pekebun yang menanam menggunakan sistem fertigasi.

Pengarah Jabatan Pertanian Pahang, Muhd Rizal Baharom berkata, selepas mendapat laporan penuh daripada semua pekebun, permohonan untuk dipertimbangkan kementerian akan dibuat.

Menurutnya, bantuan di bawah tabung kerosakan tanaman yang layak diterima pekebun di TKPM Inderapura sama dengan bantuan diterima oleh pesawah di Pahang sebelum ini selepas padi mereka musnah ditenggelami banjir.

Katanya, bantuan membolehkan program pembangunan semula ladang selain pekebun layak menerima bantuan input pertanian, peralatan dan kerja infra.

"Pekebun layak menerima input pertanian seperti polibeg, tali, baja, tiang para, dawai, serbuk kulit kelapa dan racun. Selain itu kemudahan menyediakan semula kebun mereka turut akan dilakukan," katanya dihubungi semalam.

Beliau berkata, kebakaran kawasan tanah gambut milik Jabatan Pertanian yang turut menempatkan TKPM Inderapura adalah yang terburuk pernah berlaku.

Muhd Rizal berkata, operasi memadam dan mengawal kebakaran giat dilakukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang turut dibantu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pahang yang menyediakan pam air.

Katanya, cuaca panas kering dan angin kencang serta tanah gambut menjadi faktor utama kebakaran mudah berlaku dan sukar dipadam.

"Saya difahamkan sebahagian pekebun mengalami kerugian besar apabila para tanaman mereka runtuh selain polibeg tanaman timun musnah terbakar," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pekebun TKPM Inderapura, Khairul Azhan Zainal Abidin, 52, berkata, dia kerugian lebih RM100,000 selepas tiga kawasan tanaman sayur miliknya musnah sepenuhnya.

"Api yang merebak dalam kawasan kebun menyebabkan tali pengikat polibeg putus, saya tidak mampu berbuat apa-apa apabila api begitu cepat merebak.

"Saya hanya mampu berserah apabila melihat satu persatu polibeg tanaman timun jatuh ke bumi, Ramadan kali ini begitu menguji keimanan pekebun di TKPM Inderapura yang masing-masing menanggung kerugian," katanya yang lebih 12 tahun sebagai pekebun.

Beliau berkata, kira-kira 70 hingga 80 peratus kawasan TKPM Inderapura seluas lebih 40 hektar yang diusahakan 21 peserta terjejas akibat kebakaran itu.

## OPERASI TANGKAP ANJING LIAR

# Tengku Permaisuri Selangor tak setuju cara pendekatan

**Shah Alam:** Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dukacita dan kecewa mendengar perkembangan terbaru mengenai operasi penangkapan anjing berkeliaran di negeri Selangor khususnya.

Menurut kenyataan Selangor Royal Office, Tengku Permaisuri Norashikin sudah berkali-kali menekankan baginda amat tidak bersetuju dengan pendekatan tangkap dan lupus dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk yang tular memabitkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

"Saya percaya banyak lagi kaedah lain yang boleh diguna pakai untuk membendung masalah ini ter-

masuk pemandulan.

"Sebagai Penang Diraja bagi kempen Stray Free Selangor (SFS) di bawah SPCA Selangor, saya mahu PBT memperinci semula pendekatan baharu yang lebih holistik dalam menguruskan anjing-anjing terbiar ini," titah baginda dalam kenyataan itu, semalam.

Tengku Permaisuri Norashikin menzahirkan perkara itu susulan isu yang tular di media sosial berhubung pelaksanaan *task force* dan penangk-

pan anjing berkeliaran oleh MBSA.

Menurut kenyataan itu, sebelum ini baginda pernah mencadangkan agar usaha memelihara kebajikan dan mengurangkan bilangan haiwan terbiar ini dipergiat menerusi kempen *Create Caring and Compassionate Communities* (CCC).

"Kempen CCC antaranya menggariskan beberapa inisiatif utama membabitkan kerjasama di antara PBT dengan SPCA dalam mengendalikan sesi-sesi

biar bagi setiap taman perumahan dengan kerjasama penduduk-penduduk yang sayangkan haiwan.

"PBT juga wajar mewujudkan pemaju perumahan untuk membina atau menyediakan pusat perlindungan seumpamanya," titah baginda.

Tengku Permaisuri Norashikin bertitah, ketika ini SPCA Selangor bersama Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia, Persatuan Perubatan Veterinar Malaysia dan Persatuan Veterinar Malaysia dan Persatuan Veterinar Malaysia giat mengadakan program pemandulan kucing dan anjing, Pontong-Royong.

"Sejak dimulakan pada Mac 2023, sejumlah 1,626

haiwan dimandulkan menerusi program ini sebagai usaha mengurangkan populasi haiwan terbiar.

"Saya juga berpendapat sudah tiba masa untuk pihak berwajib meneliti semula Pekeliling Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bilangan 5 Tahun 2014 mengenai Tatacara Operasi Piawaian (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan agar lebih relevan dengan situasi semasa.

"Saya benar-benar berharap usaha-usaha untuk menjaga kebajikan haiwan terbiar ini akan berterusan dan tidak sekadar melepas batuk di tangga sahaja," titah baginda.

**Johor Bahru:** Sebanyak 10 kes kematian dugong termasuk anak dugong direkodkan di perairan negeri ini antara 2015 hingga 2022.

Terbaharu, seekor dugong dewasa sepanjang hampir satu meter ditemukan terdampar di kawasan pantai berhampiran Tanjung Leman, Kota Tinggi pada 30 Mac lalu.

Jurucakap Jabatan Perikanan Negeri Johor berkata, bertindak hasil aduan awam, anggota Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan Mersing berpegas ke lokasi untuk pemeriksaan.

"Sampel bangkai dugong itu diambil untuk siasatan lanjut bagi mengenal pasti punca kematian.

"Pemeriksaan awal percaya dugong berkenaan mati sejak beberapa hari lalu," katanya memaklumkan perairan Johor adalah satu-satunya tempat di Semenanjung Malaysia di mana dugong boleh ditemukan.

Menurutnya, populasi dugong semakin berkur-



BANGKAI dugong dewasa sepanjang hampir satu meter ditemukan terdampar di kawasan pantai berhampiran Tanjung Leman.

## Bangkai dugong ditemukan terdampar di pantai

ngan akibat ancaman kehilangan serta kemusnahan habitat dan ekosistem rumput laut.

"Walaupun tiada data populasi dugong yang tepat di kepulauan Mersing, Pertubuhan Penyelidikan MareCet menganggarkan

populasi dugong kurang daripada 100 ekor sahaja," katanya.

Justeru, katanya, Jabatan Perikanan kini sedang dalam proses untuk mewartakan kepulauan Mersing sebagai kawasan santuari dugong untuk melindungi

populasi dugong dan rumput laut.

Katanya, pihaknya berharap santuari ini dapat memberi perlindungan kepada spesies itu malah meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan spesies terancam tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

## Dugong ditemukan terdampar di Tanjung Leman

**MERSING:** Seekor dugong dewasa bersaiz panjang satu meter yang dipercayai mati beberapa hari lalu ditemukan terdampar di kawasan pantai berhampiran Tanjung Leman, dekat sini.

Bertindak hasil aduan awam, anggota Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan Mersing telah berkegas ke lokasi berkenaan untuk mengambil sampel bangkai dugong tersebut bagi siasatan lanjut untuk mengenal pasti punca kematian.

Jabatan Perikanan negeri dalam satu kenyataan memaklumkan, perairan Johor adalah satu-satunya tempat di Semenanjung Malaysia di mana dugong boleh ditemukan.

“Walau bagaimanapun, populasi dugong semakin berkurangan akibat ancaman kehilangan serta kemusnahan habitat dan ekosistem rumput laut.

“Antara tahun 2015 hingga 2022, kira-kira 10 kematian dugong, terutamanya bayi telah dilaporkan. Walaupun tiada data sebenar populasi dugong di Kepulauan Mersing, Pertubuhan Penyelidikan MareCet telah menganggarkan populasi dugong kurang daripada 100 ekor,” kata kenyataan itu.

Padang rumput laut di Pulau Sibul dan Pulau Tinggi merupakan kawasan ragut bagi spesies dugong.

Keunikan serta kesuburan kawasan rumput laut di Johor penting bukan sahaja untuk kemandirian dugong, malah memberi perlindungan kepada pelbagai biodiversiti marin di kawasan tersebut.

## Bangkai dugong di pantai Tanjung Leman

**MERSING** – Bangkai seekor dugong bersaiz satu meter panjang ditemui terdampar di kawasan pantai berhampiran Tanjung Leman, Kota Tinggi kelmarin.

Jabatan Perikanan Negeri Johor berkata, dugong tersebut dipercayai telah mati beberapa hari lalu.

Katanya, anggota Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan Mersing telah mengambil sampel bangkai dugong itu untuk mengetahui punca kematian.

"Populasi dugong semakin berkurangan ekoran kemusnahan habitat dan ekosistem rumput laut. Sebanyak 10 kematian dugong terutamanya anak telah dilaporkan antara 2015 hingga 2022.

"Dugong dianggarkan hanya tinggal 100 ekor sahaja di kepulauan Mersing. Padang rumput laut di Pulau Sibul dan Pulau Tinggi merupakan kawasan rawat yang penting bagi dugong," katanya dalam kenyataan.

Menurut jabatan itu, seekor dugong yang digelar 'lembu laut' perlu makan 40 kilogram rumput laut sehari.

"Sehubungan itu, kami dalam proses untuk mewariskan kepulauan Mersing sebagai kawasan santuasi dugong untuk melindunginya dan rumput laut daripada pupus," katanya.

Orang ramai diminta menghubungi jabatan perikanan di talian **03-8870 4058** jika mempunyai maklumat mengenai kedamparan spesies marin terancam.



INILAH bangkai dugong sepanjang satu meter yang ditemui di pantai berhampiran Tanjung Leman, Kota Tinggi kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2024	KOSMO	NEGARA	15

## Jabatan perikanan ambil tindakan tegas isu bot pukat tunda

**KUANTAN** – Jabatan Perikanan akan mengambil tindakan tegas dalam isu pukat nelayan ketam di sekitar Pengkalan Nelayan Kampung Badong di Merchong yang dirosakkan bot pukat tunda.

Pengarah Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, pihaknya mengambil perhatian isu ini dan akan melaksanakan penguatkuasaan di kawasan tersebut.

"Jabatan ambil maklum aduan tersebut dan akan berhubung dengan pihak pengadu bagi mendapatkan maklumat lebih terperinci supaya tindakan termasuk penguatkuasaan lebih tepat dapat dibuat."

"Peralatan pukat tunda semanganya merupakan peralatan yang 'destruktif', tetapi vesel dengan peralatan tersebut cuma dilesenkan beroperasi lima batu nautika ke atas," katanya di sini semalam.

Baru-baru ini Kosmo! melaporkan keunikan jualan ketam segar terus dari laut di Pengkalan Nelayan Kampung Badong, Merchong di sini yang menjadi tumpuan sejak sekian lama bakal



KERATAN Kosmo! 9 Mac 2024.

lenyap akibat aktiviti bot pukat tunda yang terus berleluasa di kawasan perairan tumpuan nelayan kecil itu.

Kewujudan bot pukat tunda

itu bukan sahaja merosakkan habitat ketam yang banyak di kawasan itu, malah memberi kesan signifikan kepada nelayan kecil yang kehilangan hasil dan terbelan akibat pukat yang hilang serta rosak dilanggar bot pukat tunda.


Seorang nelayan, Rozaidy Othman, 47, berkata, keadaan yang berlarutan sejak sekian lama itu menjejaskan lebih 50 nelayan di kawasan itu yang terpaksa menanggung kerugian saban hari.

Dalam pada itu Abdullah berkata, pihaknya tidak akan

berkompromi dengan mana-mana pihak termasuk bot pukat tunda yang melanggar peraturan ditetapkan.

Kata Abdullah, tindakan tegas akan dikenakan termasuk di bawa ke mahkamah jika mereka didapati bersalah melanggar peraturan ditetapkan.

"Jika ditangkap mereka boleh ditahan dan dikompaun sehingga maksimum RM20,000 atau didakwa di mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dilucut hak dan dibatalkan lesen," tambah beliau.



**CUACA panas di negara ini bukan ancaman kepada tanaman nanas kerana ia tumbuhan tropikal yang tahan lasak kepada keadaan cuaca.**

## Nanas tiada masalah cuaca panas

**JOHOR BAHRU** - Sektor tanaman nanas di seluruh negara tidak terjejas walaupun negara sedang dilanda fenomena cuaca panas dan kering sejak beberapa minggu lalu.

Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Sheikh Umar Bagharib Ali berkata, pihaknya tidak menerima sebarang aduan berhubung perkara tersebut setakat ini.

Menurut beliau, cuaca panas bukan ancaman kepada tumbuhan tropika tersebut yang dikenali sebagai tahan lasak.

"Sekiranya kemarau terus berpanjangan, tanaman nanas perlu disiram air dalam kuantiti yang

sederhana. Ini kerana nanas terdiri daripada keluarga kaktus dan tidak memerlukan banyak air untuk hidup.

"Sebaliknya, nanas lebih memerlukan cahaya matahari mencukupi untuk tumbuh dengan lebih sihat. Jadi setakat ini tiada aduan kerosakan tanaman nanas ekoran cuaca panas diterima.

"Sebaliknya, kita ada terima aduan tanaman nanas rosak dan tidak boleh hidup ketika musim tengkujuh atau banjir, khususnya apabila air bertakung lebih daripada 72 jam," katanya kepada pemberita selepas Majlis Beruka Puasa LPNM di Hotel Grand Blue Wave, di sini kelmarin.

Sementara itu, Sheikh Umar turut memberitahu, eksport nanas tempatan berada pada landasan trajektori positif dengan nilai eksport direkodkan RM5.7 billion tahun lalu.

"Negara utama kita eksport adalah China, Korea Selatan, Timur Tengah, Jepun dan Jerman.

"Kalau diikutkan banyak permintaan eksport kita terima, tetapi kita berdepan masalah untuk penuhi semua permintaan itu.

"Pihak kami menerima permintaan eksport sebanyak 4,000 kontena, namun kita hanya mampu untuk membekalkan 800 kontena dengan sasaran 1,000 nanti," ujar beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	12

# Kekalkan BERNAS pengimport tunggal untuk buka peluang kepada entiti lain

- Terdapat dakwaan petani berhubung pakatan sulit kartel dalam kalangan pengilang padi membawa kepada penurunan mendadak harga pembelian padi
- Meningkatkan persaingan boleh menurunkan harga, menjadikan beras lebih mudah diakses oleh semua rakyat Malaysia



Ketua Laboratori Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Prof Dr Abdul Rahim Abdul Samad  
bhrencana@bh.com.my

**Kewujudan** kartel di negara ini menjejaskan persaingan dan boleh memanipulasi harga serta pasaran dalam pelbagai cara, misalnya perjanjian penetapan harga hingga merugikan pengguna dengan mengekalkan harga tinggi.

Kartel juga merugikan perniagaan yang jujur kerana tidak dapat bersaing dengan amalan tidak sihal. Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengambil pelbagai langkah untuk menangani kartel, termasuk mengenakan denda tinggi ke atas syarikat didapati menetapkan harga dan mengambil tindakan terhadap penipuan.

Kewaspadaan berterusan diperlukan kerana untuk membasmi kartel sepenuhnya, apatah lagi ia bukan tugas mudah kerana struktur pemilikan kompleks dan budaya pakatan sulit.

Berkaitan padi dan beras negara, terdapat dakwaan kewujudan kartel dan orang tengah mengaut keuntungan lebih daripada petani atau peruncit. Pihak berkuasa perlu menyiasat dakwaan ini, manakala hasil siasatan perlu didedahkan kepada orang ramai.

Sekiranya terdapat bukti kartel makanan bertanggungjawab terhadap kekurangan bahan ruji itu, mereka terbabit mesti dihukum dengan berat kerana ia mencabuli hak asasi rakyat terhadap makanan.

Selain itu, terdapat dakwaan petani berhubung pakatan sulit kartel dalam kalangan pengilang padi membawa kepada penurunan mendadak harga pembelian padi. Dalam isu beras, sebelum ini, Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (PPBMM) mendakwa maklum balas diberikan daripada ahlinya menyatakan tiada bekalan beras putih daripada Padibernas Nasional Bhd (BERNAS).

Situasi sebegini membayangkan kononnya wujud plot dalam BERNAS dan isu kartel beras itu dikatakan adalah benar. Oleh itu, kerajaan perlu mengkaji semula struktur organisasi beras negara yang kali terakhir disemak pada 2008. Sistem ini sudah digunakan sejak 2006 dan memerlukan penilaian semula.

Justeru, kerajaan perlu menilai struktur organisasi beras dengan membatikan pakar kajian dasar pertanian dan pakar ekonomi dari universiti pakar dalam isu *antitrust* dan persaingan dalam menangani masalah ini.

Adalah lebih baik untuk kita menjalankan penyelidikan dan penyiasatan sewajarnya sebelum bersetuju dengan dakwaan sesetengah pihak bahawa terdapat pergerakan seperti kartel dalam kalangan pengilang untuk menurunkan harga pembelian padi bagi memaksimumkan keuntungan mereka.

## Konsesi BERNAS berakhir 2031

Sementara itu, BERNAS menjadi pengimport tunggal beras negara dan perjanjian konsesinya dengan kerajaan dilanjutkan dua kali, dengan yang terbaru berakhir pada 2031.

Ini bermakna perjanjian konsesi BERNAS dengan kerajaan akan bertahan selama 35 tahun dengan konsesi terbaru bermula dari 11 Januari

2021 hingga 10 Jan 2031, bernilai RM2.3 bilion.

Walaupun ada desakan pihak tertentu untuk membatalkan perjanjian konsesi ini, peranan BERNAS sebagai pengimport beras negara dikatakan masih relevan untuk menangani kekurangan bekalan beras negara.

Oleh itu, perlu diwujudkan satu kajian kebolehlaksanaan holistik bagi, menilai sama ada BERNAS sebagai pengimport tunggal boleh memberikan keuntungan lebih atau lebih baik peluang diberi kepada entiti lain untuk terbabit sebagai pengimport beras negara.

Namun, secara amnya pasaran persaingan akan memberi lebih manfaat kepada pengguna. Dalam pasaran kompetitif, ramai pemain industri bersaing dengan menjual pada harga terbaik.

Persaingan mendorong harga turun ke tahap hampir dengan kos pengeluaran minimum hingga memberi manfaat kepada pengguna mendapatkan produk dengan lebih murah. Monopoli boleh menetapkan harga lebih tinggi untuk produk mereka.

Persaingan akan memberi insentif kepada pemain industri untuk sentiasa memperbaiki amalan mereka dan menjadi lebih cekap. Mereka perlu mencari cara untuk mengurangkan kos dan mening-

Persaingan akan memberi insentif kepada pemain industri untuk sentiasa memperbaiki amalan mereka dan menjadi lebih cekap. Mereka perlu mencari cara untuk mengurangkan kos dan meningkatkan hasil untuk kekal berdaya saing di pasaran

katkan hasil untuk kekal berdaya saing di pasaran. Ini boleh membawa kepada inovasi dalam pengoperasian dan penggunaan teknologi baharu bagi meningkatkan kecekapan. Ini menjadikan monopoli tanpa tekanan persaingan, mungkin tidak mempunyai dorongan sama untuk meningkatkan kecekapan.

Dengan kewujudan ramai pemain industri, terdapat pelbagai jenis produk akan tersedia untuk pengguna. Ini boleh menggalakkan kepelbagaian dalam apa ditawarkan dan memenuhi pilihan pengguna berbeza.

Monopoli mungkin mengehadkan kepelbagaian produk ditawarkan, memfokuskan pada apa paling menguntungkan, tidak semestinya apa yang pengguna inginkan. Pasaran kompetitif menawarkan lebih kawalan ke atas produk dan harga pemain industri.

Mereka boleh berunding dengan pembeli berbeza untuk mendapatkan tawaran terbaik. Monopoli, sebagai entiti tunggal, boleh menentukan harga, berpotensi memerah keuntungan dan menjadikan petani misalnya lebih sukar untuk mencari rezeki.

Dengan menangani isu ini, Malaysia boleh membuka kunci pasaran beras lebih berdaya tahan dan dinamik. Ini akan diterjemahkan kepada beberapa kelebihan utama untuk rakyat.

Pertama, pasaran kompetitif menjadikan bekalan beras stabil, mengurangkan pergantungan kepada import dan potensi gangguan.

Kedua, meningkatkan persaingan boleh menurunkan harga, menjadikan beras lebih mudah diakses oleh semua rakyat Malaysia.

Ketiga, tumpuan kepada daya saing menggalakkan inovasi dan kecekapan, yang berpotensi membawa kepada varieti dan kaedah pemprosesan beras lebih berkualiti.

Keempat, pasaran beras berkembang maju menyokong petani tempatan, meningkatkan ekonomi dan mata pencarian petani di luar bandar.

Peluasan ini memberikan gambaran lebih jelas mengenai kesan positif pasaran beras kompetitif dan selamat terhadap keselamatan makanan, kemampuan, kualiti dan pembangunan luar bandar di negara ini.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2024	HARIAN METRO	WANITA METRO	35

# WM

WANITA METRO

## 'ASKAR HITAM' MAINANKU

Pensyarah tidak khuatir bergelumang dengan lalat hitam, jadikan sebagai bahan kajian.

**ANTARA** penyayar BS7 di UM yang ditindas campur pensyarah lain. Foto: Ekstranis

**MELIHAT** seorang teliu lalat BS7

**FOKUS**

**Oleh Hafiz Ithnin**  
 Hafiz Ithnin adalah seorang wartawan media di negara ini.

Bagi pensyarah dan teliu lalat BS7, 30 tahun keahlan Sweden yang membesar di Kuala Lumpur ini, tidak ada yang perlu digelikan dengan lalat setiap hari. Baginya, lalat bukan serangga yang pecah diluar sebagai pembawa penyakit, tetapi ia mampu memberi kesan yang baik kepada ekosistem akuakultur. Selain mengamati lalat dikemah sebagai Black Soldier Fly (BSF) atau lalat hitam, Hafiz Ithnin sudah dua kali berjumpa dengan penyelidik tempatan dan antarabangsa mengenai keberkesanannya sebagai sumber protein akuakultur.

Bagi Dr Norhidayah Mohd Taufek yang kini mengasas awaran akuakultur di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Hafiz Ithnin mengemang perhargaan doktor kehormat (Honoris Causa) dalam bidang bioteknologi dari USIM kerana meminati sumber alternatif makanan ikan. Kalaupun dia tidak berminat dengan bidang akuakultur sejak meminum pengajian di peringkat sarjana di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2006,

# PROGRAM TERNAK LALAT

## BSF sejenis serangga tidak mendatangkan mudarat, miliki nutrisi sesuai selain mudah diternak

"Selain itu, kami juga mempunyai program ternakan BSF di Ladang Kiri BSF (K) bersama dengan menggunakan sisa dari kakulturnya untuk elakkan makanan ternakan ayam dan ikan di ladang. BSF, katanya, serangga itu juga menarik perhatian ramai disebabkan kesannya yang luar biasa terhadap pengeluaran makanan ternakan yang mampan. "Lalat bukit perosak ini mempunyai potensi untuk menggantikan masa hadapan. Larva BSF adalah organisma yang elyendalam menguraikan sisa organik sebagai sumber nutrisi yang berkualiti untuk ternakan. "Komposisi nutrisi larva BSF yang tinggi dengan protein, lemak dan mineral penting menjadikannya sumber alternatif yang sangat baik yang berpotensi menggantikan sumber tradisional seperti tepung ikan dan kacang soya," katanya.

"Kataanya, ternakan BSF menggunakan bahan-bahan pelupusan gas rumah hijau seperti sisa makanan dan sampah dapur yang ditawarkan kepada masalah sisa global yang semakin meningkat, sambil mewujudkan ransaan makanan yang selesa. "Di Malaysia juga sebenarnya sudah ada beberapa pemain industri yang memulakan usaha besar. Semasa saya di Johor, Perak, Selangor dan Sarawak.

"Sementara itu, saya pernah berjumpa dengan orang besar yang amat membantu kepada pemain industri lain," katanya.

akukultur mendapatkan alternatif makanan ikan dan sebagai penyeduk, kami pernah membuat kajian mengenai BSF, katanya. Di antara kegunaan BSF yang tidak pada awanya berpeluang di ladang swainya. seremangnya apabila menyebut mengenai lalat pastinya mempunyai stigma sebagai serangga kotor. "Namun, apabila kita sudah membuat kajian mengenai BSF, kita akan BSF, tidak ada petu rasa geli walaiupun ia adalah lalat yang simonim dengan haiwan yang dihidangkan BSF.

"Tindakannya, BSF bukan lalat yang kotor kerana ia mempunyai banyak manfaat yang boleh digunakan kepada industri perikanan tempatan. Ia juga adalah salah satu tanggungjawab sebagai petani penyeduk."

Kataanya, perkara yang menarik menjadi penyeduk BSF ini adalah untuk memberi kesedaran mengenai keabihan BSF kepada industri akukultur sejawal. "Apabila seperti yang dikatakan kepada industri akukultur, kita akan BSF, pasti akan merasakan ia mempunyai banyak kebaikan. Sedangkan, apabila terdapat banyak keabihan yang dijual BSF ini, jadi, masyarakat mengenai BSF yang gemuk, namun kini ramai pemain industri sudah mula membuka mata mengenai hasil yang dapat dihasilkan oleh BSF mengenai lalat," katanya.

"Malah, sisa buangan BSF juga boleh dijadikan tumbukan. Jadi, perkara itu membolehkan saya terarik untuk terus menerokai kajian mengenai BSF. Di ladang Kiri BSF, kita boleh melihat ternakan BSF untuk membolehkan penyeduk membuat kajian mengenai BSF dan menghasilkan, katanya.

"Saya melanjutkan pelajaran di peringkat PhD. mencari alternatif kepada sumber protein yang menjadi kesihatan saya yang menjadi tumpuan saya. "Jadi, saya mengenali BSF yang sebenarnya mempunyai banyak kajian dipaparkan dalam luar negara kerana ia mempunyai potensi yang sangat baik untuk meningkatkan alihkial dan sumber protein kepada ikan juga amat tinggi," katanya. "Malah, apabila kita dapat mengenai masalah ini, yang

"Saya melanjutkan pelajaran di peringkat PhD. mencari alternatif kepada sumber protein yang menjadi kesihatan saya yang menjadi tumpuan saya. "Jadi, saya mengenali BSF yang sebenarnya mempunyai banyak kajian dipaparkan dalam luar negara kerana ia mempunyai potensi yang sangat baik untuk meningkatkan alihkial dan sumber protein kepada ikan juga amat tinggi," katanya. "Malah, apabila kita dapat mengenai masalah ini, yang



BSF juga mempunyai nilai manfaat kepada pemain industri lain.

BSF juga mempunyai nilai manfaat kepada pemain industri lain.

TELUR lalat BSF yang ditumpukan di ladang Kiri BSF.

BSF juga mempunyai nilai manfaat kepada pemain industri lain.